



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 12 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	LEBIH 1.5 JUTA BENIH UDANG GALAH DILEPASKAN DI SUNGAI TIMUN, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE LEBIH 1.5 JUTA BENIH UDANG GALAH DILEPASKAN DI SUNGAI TIMUN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE ANAK PENYU SESAT 'KEMBALI' KE LAUT, DALAM NEGERI, UM -37	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	PERTANDINGAN VIDEO AGROBANK, LOKAL, HM -13	AGROBANK
5. 6. 7. 8. 9. 10.	BEKAS JURURTERA USAHAKAN LEMON, DALAM NEGERI, UM -37 CENCARU 'SERANG' PANTAI PUTERI, DALAM NEGERI, UM -38 PATIN FISH UNSOLD, RESULTING MASSIVE LOSS, SIN CHEW DAILY -ONLINE FENOMENA IKAN LUMBA-LUMBA KERAP TERDAMPAR JARANG BERLAKU, NEGARA, KOSMO -16 SYOR SISTEM SUBSIDI UNTUK PENGUSAHA LADANG AYAM, NASIONAL, BH AHAD -7 TANAMAN SUBUR DENGAN AKUAPONIK, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



12 SEP, 2021

## Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di Sungai Timun

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di Sungai Timun

**REMBAU:** Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di perairan Sungai Timun di sini sejak awal tahun lepas bagi menjamin kelestarian hidupan marin itu, kata Ketua Daerah Perikanan Rembau/Tampin Md Johari A Latif.

Beliau berkata, aktiviti itu bukan sahaja mampu memelihara sumber udang galah di sungai malah sebagai sumber pendapatan komuniti terutama nelayan dan orang awam pada masa sekarang dan akan datang lebih-lebih lagi hidupan air itu mempunyai nilai tinggi di pasaran.

"Lokasi berkenaan sememangnya habitat udang galah dan ia bertujuan memperkaya dan memelihara sumber udang galah asli warisan negara.

"Dalam tempoh sama, kita turut melepaskan lebih 200,000 benih ikan termasuk baung dan lampun sungai. Kita bukan sahaja nak tambah sumber udang galah tetapi ikan juga kerana ia saling bergantung selain memastikan kelangsungan sumber ikan asli di sungai itu sentiasa terpelihara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Sepakat@Komuniti Daerah Rembau yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Penerangan negeri Shahnun Mohamad dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Datuk Seri Dr Awaludin Said di sini, semalam.

Dalam pada itu, Md Johari berkata pelbagai inisiatif dilakukan dalam membantu nelayan di kawasan berkenaan yang terjejas pendapatan sejak COVID-19 melanda negara ini susulan aktiviti menyewa bot tidak dapat diusahakan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, bantuan berkenaan termasuk keperluan makanan, membaik pulih rumah nelayan serta bantuan berbentuk peralatan dan enjin.

"Kebadiran pemancing dan pelancong ke sungai ini menurun berikutan aktiviti memancing tidak dibenarkan semasa PKP. Oleh itu, aktiviti sewa bot tidak dapat dijalankan sekali gus menyebabkan nelayan hilang punca pendapatan," katanya sambil menambah terdapat tujuh nelayan berlesen di Sungai Timun.

Terdahulu, seramai 38 ahli My Komuniti Perikanan menerima sumbangan berupa barangan keperluan harian daripada badan bukan kerajaan, MyFundAction dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin serta jabatan penerangan negeri yang disampaikan Awaludin. — Bernama



12 SEP, 2021

## Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di Sungai Timun

[Utusan Borneo Sabah, Malaysia](#)

Page 2 of 2

### SUMMARIES

REMBAU: Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di perairan Sungai Timun di sini sejak awal tahun lepas bagi menjamin kelestarian hidupan marin itu, kata Ketua Daerah Perikanan Rembau/Tampin Md Johari A Latif. Beliau berkata, aktiviti itu bukan sahaja mampu memelihara sumber udang galah di sungai malah sebagai sumber pendapatan komuniti terutama nelayan dan orang awam pada masa sekarang dan akan datang lebih-lebih lagi hidupan air itu mempunyai nilai tinggi di pasaran.



12 SEP, 2021

## Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di Sungai Timun

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di Sungai Timun

**REMAU:** Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di perairan Sungai Timun di sini sejak awal tahun lepas bagi menjamin kelestarian hidupan marinine, kata Ketua Daerah Perikanan Rembau Tampin Md Johari A Latif.

Beliau berkata, aktiviti itu bukan sahaja mampu memelihara sumber udang galah di sungai malah sebagai sumber pendapatan komuniti terutama nelayan dan orang awam pada masa sekarang dan akan datang lebih-lebih lagi hidupan air itu mempunyai nilai tinggi di pasaran.

"Lokasi berkenaan semanganya habitat udang galah dan ia bertujuan memperkaya dan memulihara sumber udang galah asli warisan negara.

"Dalam tempoh sama, kita turut melepaskan lebih 200,000 benih ikan termasuk baung dan lampam sungai. Kita bukan sahaja nak tambah sumber udang galah tetapi ikan juga kerana ia saling bergantung selain memastikan kelangsungan sumber ikan asli di sungai itu sentiasa terpelihara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Sepakat@ Komuniti Daerah Rembau yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Penerangan negeri Shahnon Mohamad dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Kota Datuk Seri Dr Awaludin Said di sini, semalam.

Dalam pada itu, Md Johari berkata pelbagai inisiatif dilakukan dalam membantu nelayan di kawasan berkenaan yang terjejas pendapatan sejak COVID-19 melanda negara ini susulan aktiviti menyewa bot tidak dapat diusahakan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, bantuan berkenaan termasuk keperluan makanan, membaik pulih rumah nelayan serta bantuan berbentuk peralatan dan enjin.

"Kehadiran pemancing dan pelancong ke sungai ini menurun berikutan aktiviti memancing tidak dibenarkan semasa PKP. Oleh itu, aktiviti sewa bot tidak dapat dijalankan sekali gus menyebabkan nelayan hilang punca pendapatan," katanya sambil menambah terdapat tujuh nelayan berlesen di Sungai Timun.

Terdahulu, seramai 38 ahli My Komuniti Perikanan menerima sumbangan berupa barangan keperluan harian daripada badan bukan kerajaan, MyFundAction dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin serta jabatan penerangan negeri yang disampaikan Awaludin. — Bernama



12 SEP, 2021

## Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di Sungai Timun

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

REMBAU: Lebih 1.5 juta benih udang galah dilepaskan di perairan Sungai Timun di sini sejak awal tahun lepas bagi menjamin kelestarian hidupan marin itu, kata Ketua Daerah Perikanan Rembau/ Tampin Md Johari A Latif. Beliau berkata, aktiviti itu bukan sahaja mampu memelihara sumber udang galah di sungai malah sebagai sumber pendapatan komuniti terutama nelayan dan orang awam pada masa sekarang dan akan datang lebih-lebih lagi hidupan air itu mempunyai nilai tinggi di pasaran.

# Bekas jurutera usahakan lemon

Oleh **JAMLIH ABDULLAH**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PADANG TERAP:** Seorang bekas jurutera telekomunikasi mengusahakan tanaman lemon termasuk daripada spesies yang jarang ditemukan di dunia di ladangnya di Kampung Baru Lubuk Labi, Kuala Nerang di sini.

Zulkhairi Kassim, 55, yang mengusahakan ladang lemon seluas 5.1 hektar di kawasan tersebut yang mempunyai lebih 1,500 pokok daripada 15 varieti lemon dari seluruh dunia.

Menurutnya, varieti itu termasuk *Eureka*, *Bhudda's Hand*, *Kamquat*, *Melbourne*, *Ponderosa*, *Mayer*, *Lisbon*, *Telur Buaya*, *Citrus Medica Diamante*, *Taiwan Perfumes*, *Irantan Lemon*, *Lime Quat* dan *Kerat Lintang*.

Katanya, kebanyakan baka

pokok lemon yang ditanam itu dibawa dari luar negara seperti Itali, Afrika Selatan, Australia dan Turki.

"Saya kutip pengetahuan tentang tanaman lemon sejak beberapa tahun lepas ketika merantau di luar negara.

"Saya percaya lemon mempunyai prospek yang baik untuk dikomersialkan," katanya ketika ditemui di ladang Hannanis Agrotech di sini kelmarin.

Tambahnya, setiap varieti lemon itu mempunyai keunikan tersendiri dan pokoknya mampu berbuah sehingga 500 biji setiap masa.

"Apa yang menarik kebanyakan varieti tersebut adalah cukup jarang ditemui dan ditanam bukan sekadar untuk mendapatkan jus tetapi sebagai pati minyak wangi dan jeruk.

"Tanaman lemon di negara ini juga istimewa kerana hasilnya boleh dituai sepanjang tahun," katanya.

Tambah beliau, dia juga mempunyai sebidang tanah di Derang, Pokok Sena di sini yang dijadikan tapak semaian bagi tanaman tersebut.

Menurutnya, buah lemon yang dijual di ladang itu berharga RM6 sekilogram manakala pokok lemon pula dijual dengan harga antara RM25 hingga RM35 sepokok.

"Selain berpeluang membeli lemon, pengunjung berpeluang memetik sendiri buah tersebut yang diusahakan bebas daripada sebarang penggunaan racun," ujarnya.

Katanya, ladang lemon itu dibuka dari pukul 9 pagi sehingga 6 petang setiap hari.



**ZULKHAIRI** Kassim (kanan) bersama pembantuannya memetik lemon yang ditanam di Kampung Baru Lubuk Labi, Kuala Nerang. - MINGGUAN/JAMLIH ABDULLAH

## Anak penyu sesat 'kembali' ke laut

**PORT DICKSON:** Sebanyak 32 ekor anak penyu karah baru menetas yang ditemukan sesat oleh orang awam pukul 2 pagi semalam di Pantai Saujana, di sini dilepaskan semula ke laut.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, orang awam telah menjumpai sekumpulan anak penyu itu yang berkeliraran mencari arah ke laut namun ada yang tersesat sehingga ke laluan pejalan kaki.

"Disebabkan bimbang keselamatan anak-anak penyu itu, orang awam tersebut telah bertindak segera mengutip dan melepaskannya ke laut. Jumlah kesemuanya adalah sebanyak 32 ekor," katanya ketika dihubungi semalam.

Halimi berkata, pada mulanya orang awam tersebut telah melaporkan kejadian

berkenaan kepada Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan kemudian diajukan kepada pihak Jabatan Perikanan Negeri Sembilan.

Menurutnya, pihak Jabatan dari Pusat Ikan Hiasan Port Dickson telah bergegas ke tempat kejadian dan mencari baki anak penyu yang ada dan berjaya menemui seekor lagi anak penyu yang masih hidup untuk diselamatkan.

"Didapati ia adalah daripada spesies penyu karah. Ini merupakan kes kedua penemuan anak penyu menetas oleh orang awam di pantai Port Dickson tahun ini. Kejadian pertama berlaku di pantai Bagan Pinang bulan lepas," katanya.

Tambah beliau, anak penyu lazimnya menetas di pantai ketika malam yang gelap lalu bergerak ke arah laut.



**SEJUMLAH** anak penyu karah yang dilepaskan semula ke laut selepas tersesat di Pantai Saujana, Port Dickson.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	13

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (811810-U)



Tema:

## Apa khabar Malaysia? Ceritakan kepada kami.

Hadiah **wang tunai** menanti anda!\*

- Tempat Pertama : RM5,000.00
- Tempat Kedua : RM4,000.00
- Tempat Ketiga : RM3,000.00
- Tempat Empat : RM2,000.00
- Tempat Kelima : RM1,000.00

\*Tertakuk kepada terma dan syarat pertandingan

Pilihan **elemen** yang boleh digunakan adalah:

1. Budaya Malaysia yang unik
2. Makanan tradisional Malaysia
3. Aktiviti pertanian
4. Pengalaman semasa menghadapi pandemik
5. Semangat rakyat Malaysia untuk melawan keadaan semasa



Imbas Kod QR untuk keterangan lanjut



[www.facebook.com / Agrobank](http://www.facebook.com/Agrobank)



@AgrobankMy



AgrobankTV



## Cencaru 'serang' Pantai Puteri

**MELAKA:** Nelayan di Pantai Puteri dekat sini kembali ceria apabila musim ikan cencaru mula melanda perairan berkenaan hingga ke Pulau Upeh selepas menunggu hampir enam bulan.

Semalam, rata-rata nelayan yang turun ke laut memasang jaring, mengukir senyuman tanda gembira dan puas hati apabila masing-masing berjaya menaikkan antara 60 hingga 100 kilogram (kg) tangkapan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, gerai menjual cencaru segar yang baharu dibawa pulang nelayan menjadi tumpuan penduduk setempat yang dijual pada harga RM10 bagi 1kg.

Seorang nelayan, Azli Hassan, 51, berkata, dia langsung tidak menyangka jaring yang dilabuhkan berhampiran Pulau Upeh berjaya menaikkan spesies tersebut dengan berat dianggarkan 100kg.

Katanya, sudah terlalu lama nelayan kecil menantikan saat 'durian runtuh' sedemikian,

selepas hampir enam bulan tangkapan tidak begitu memberangsangkan.

"Alhamdulillah adalah rezeki lebih sikit hari ini, tak sia-sia turun ke laut dan berjaya menjaring banyak ikan cencaru.

"Sebenarnya sudah lama, tidak pernah dapat menangkap sebanyak ini. Musim cencaru tiba dan inilah masa saya serta rakan nelayan yang lain dapat rezeki lebih sedikit," katanya yang telah menjadi nelayan sejak 10 tahun lalu.

Kegembiraan itu turut dikongsi seorang lagi nelayan, Zaini Abd. Majid, 60, apabila dia berjaya menaikkan ikan itu hampir 70kg.

"Saya tak sangka hari ini dapat tangkap banyak ikan cencaru. Lama juga menanti musim cencaru, tiba-tiba hari ini ada rezeki lebih sikit.

"Alhamdulillah, musim cencaru sudah tiba. Kami nelayan di sini yang hidup ibarat 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' sangat gembira dapat hasil yang baik," katanya.



**AZLI Hassan (kiri) dibantu rakan nelayan mengasingkan ikan cencaru daripada jaring di Pantai Puteri, Melaka. - MINGGUAN/AMRAN MULUP**





12 SEP, 2021

# Patin fish unsold, resulting massive loss

Sin Chew Daily (East Coast), Malaysia

報導/攝影：鄭佩琴

## 疫下供過於求 巴丁魚滯銷 虧大了

【訊訊華社日報訊】冠病疫情之下，巴丁魚市場大滯銷，造成出現供過於求的情況，令养殖户蒙受重創。

### 納茲米：日均只賣出20隻

其中一名养殖户兼养殖场主納茲米說，他在土是拜回其拥有几个鱼塘，饲养多达50万只巴丁魚。以往他每日批发200只巴丁魚给周边各埠和本地市场，确保发完当天。但全天下平均只卖20只，生意惨淡。

“以往约800克的巴丁魚就可只打回100元，但现在没有市场，巴丁魚已堆到仓库多，这情况导致养殖户更困难，因为大多数养殖户都会选择将小只的巴丁魚。”

而且，现在食肆也没有全面恢复营业，商家均减少了购买量，加上现在许多外国食肆也停止营业及禁止外运，少了外运的市场，导致巴丁魚出现供过于求的现象。”

### 菲基里：飼料漲價難負荷

另一名养殖户兼老板菲基里说，在12015年与2名朋友合資经营巴丁魚养殖的生意，如今不仅面对巴丁魚滞销的问题，他们还面对饲料价格不断高漲的负担。

“按照计算，每个鱼塘一个季度（3个月）大约需要6000令吉的饲料费用，但现在已经一年多，饲料还是没有市场，这已经超越我的预算，我已经没有能力再购买饲料。”

“如果只能出那么一点，这只是够支付购买饲料的费用，我也不知道怎么办。我想我们年轻一代不能再继续经营，被迫回乡出路，打工来维持生活。”



受冠病疫情影响，巴丁魚养殖业陷入困境。



养殖户：巴丁魚滞销，今天平均只卖出20只。



疫情之下，原本畅销的巴丁魚竟滞销无人问津，销量大跌。



冠病疫情影响，许多户外市场和食肆，以及许多传统市场的巴丁魚市场均关闭。



阿都拉查巴（左）将巴丁魚下游产品加工成鱼油，曾于（右）将鱼油生产下游产品的过程。（取自Lazipoon脸书）

### 彭漁業局長：助業者線上銷售

另一方面，彭漁業局長彭國都指出，冠病疫情对巴丁魚下游产品加工业影响甚大，该局将采取积极的行动帮助陷入困境的巴丁魚养殖户，包括与马来西亚发展贸易局（MARDI）合作推广巴丁魚下游产品，以及与MARDI和联邦农业推广局（FAMA）把巴丁魚下游产品推广到海外市场。

他说，该局已于3月期间与MARDI政府官员举行一讨论，讨论MARDI的技术为巴丁魚生产下游产品，以减少因疫情带来的危机。

“由于目前禁止进行任何面对面的课程，如果持有一项技术证书，我们才能参与课程。”

### 利用冷冻产品技术生产下游产品

MARDI拥有生产冷冻产品的技术，相信可利用这些技术生产巴丁魚下游产品，如巴丁魚冷冻香肠、巴丁魚鱼饼、鱼干和鱼油等。

“我们将与马来西亚发展局（KEM）和FAMA合作，使用线上营销方法协助销售巴丁魚和其他下游产品，不但向本地消费者推销，还向海外推销。”

他说，巴丁魚养殖户若把鱼卖给于他商号，该局将发出706张通行证给相关业者，因此不存在不能养殖或销售问题。

他也说，根据去年资料显示，州内共有1674名巴丁魚养殖户，总产量共占363或34%，共有1096个鱼塘，所有养殖场面积共6公顷。



12 SEP, 2021

## Patin fish unsold, resulting massive loss

Sin Chew Daily (East Coast), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

0—方面, 彭亨渔业局局长阿都拉嘉化日前到一间 力巴丁鱼下游产品加工厂参观后指出, 该局将采取积极的行动协助陷入困境的河鱼养殖业业者, 包括与大马农业发展研究所 (MARDI) 合作研发巴丁鱼下游产品, 以及与MARDI和联邦农业销售局 (FAMA) 把河鱼放到线上销售, 提高销售量他说, 该局已于4月期间与MARDI联系策划举行一项课程, 即通过MARDI的技术为巴丁鱼生产下游产品, 以解决河鱼滞销的危机。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2021	KOSMO	NEGARA	16

## Fenomena ikan lumba-lumba kerap terdampar jarang berlaku

**KANGAR** – Fenomena ikan lumba-lumba dan paus Kogia yang terdampar di pesisiran pantai Kuala Perlis serta Kuala Sanglang dekat sini secara berturut-turut merupakan kejadian yang jarang berlaku.

Pengarah Perikanan Perlis, Ismail Ibrahim berkata, ikan tersebut dipercayai terdampar di pantai berlumpur kerana mengejar sumber makanan iaitu ikan kecil lain dan tidak sempat kembali ke tengah laut apabila air surut.

Katanya, mamalia marin itu sememangnya boleh didapati di sekitar Selat Melaka dan Kuala Perlis menjadi antara persinggahan sehingga ke Langkawi, Laut Andaman dan Lautan Hindi.

"Ikan lumba-lumba ini memang kerap ditemui di perairan Kuala Perlis pada September dan Oktober, tetapi kalau terdampar secara berturut-turut dalam masa terdekat itu jarang sekali.

"Selain kejadian baru-baru ini,



**IKAN lumba-lumba yang berjaya diselamatkan selepas terdampar di pantai berlumpur di perairan Kuala Sanglang, Kangar minggu lalu.**

pada April lalu ada satu kes ikan lumba-lumba terdampar tetapi dalam kes tersebut ikan itu ditemui sudah mati," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, antara hidupan laut yang boleh ditemui di perai-

ran Kuala Perlis ialah ikan lumba-lumba jenis Bottlenose dan Irrawaddy serta ikan paus yu.

Sejak minggu lalu, sebanyak tiga kes ikan lumba-lumba terdampar dilaporkan di sekitar Kuala Perlis dan Kuala Sanglang.

12/9/2021

BERITA NASIONAL

7

HARIAN AHAD

# Syor sistem subsidi untuk pengusaha ladang ayam

Inisiatif bagi elak kenaikan harga di seluruh negara

Oleh Zaiti Saitin

bitnews@bh.com.my

**Kuala Berang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata subsidi harga itu akan diberikan kepada 20 pengusaha ladang ayam di tiga negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Perak, yang mengeluar 80 peratus bekalan ke seluruh negara.

"Kita sudah mengadakan perundingan dengan penternak atau pengusaha ladang terbaharu untuk tujuan itu dan akan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan (MOF) dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas membuat lawatan di Pasar Pekan Ajil, di sini, semalam.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng,

sebelum ini dilaporkan pernah, seibegal kos perlu ditanggung di peringkat penternak ditambah pelaksanaan seketan pergerakan akibat COVID-19 mempengaruhi kenaikan harga ayam di sesetengah negeri.

Apikasi mudah alim Selangkah



Rosol menunjukkan harga ayam ketika lawatan di Pasar Pekan Ajil, Hulu Terengganu, semalam. (Foto Chazali Yoc / BH)

ngah kawasan.

Katanya, antara faktor yang memaksa penternak meningkatkan harga ayam adalah peningkatan harga dedak dan harga anak ayam, selain penternak yang juga sebagai majikan perlu menanggung kos saringan COVID-19 berkala untuk pekerjaan termasuk menampung kenaikan tempatan bekerja kerana ketiadaan pekerja asing.

Rosol berkata, pihaknya percaya sistem subsidi mampu mengawal kenaikan harga ayam seperti yang dilakukan bagi mengawal harga minyak masak domestik.

Katanya, purata harga ayam yang dijual di pasar basah sejak kenaikan harga ayam bermula awal bulan ini ialah kurang RM110.50 sekilogram.

"Bagaimanapun, laporan yang diterima mendapati harga paling tinggi dijual pada harga RM110 sekilogram iaitu di Pasar Gopeng, Perak," katanya.

Katanya, kenaikan harga ayam dikenali pasti berpunca daripada beberapa faktor, termasuk harga makanan ayam yang dikatakan meningkat akibat kenaikan harga ayam seperti jagung dan soya yang diimport dari luar negara).

Rosol berkata, susulan laporan kenaikan harga ayam, pihaknya

melancarkan Ops Catut (Pasar) 8.0 bagi menjalankan siasatan di semua peringkat rantau bermula daripada penternak/pengeluar, pemborong dan penjual bermula Khamis lalu.

Katanya, sehingga semalam, pihaknya sudah memeriksa sejumlah 63 premis pengeluar pemborong dan peruncit di seluruh negara.

"Sebanyak 68 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) dan 56 Notis Bertulis (NB) dikeluarkan kepada peniaga berkaitan dengan lambut seki-

ga untuk memastikan ranya ada unsur pencatutan jualan ayam hidup, ayam standard dan ayam super," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2021	METRO AHAD	XPRESI	36

# TANAMAN SUBUR DENGAN AKUAPONIK

Kaedah pertanian 'revolusioner' menggunakan sumber daya minimum untuk hasil terbaik, segar



Walaupun pelaburan keseluruhannya kelihatan besar pada awalnya, ada banyak sebab mengapa pelaburan ini bermanfaat bukan hanya untuk kesihatan, tetapi juga untuk persekitaran

NG

## AGRO

Oleh Muhamad Razis Ismail  
razis@mediaprima.com.my

**Pandemik** Covid-19 yang melanda negara sejak tahun lalu menyebabkan ramai dalam kalangan kita sudah mampu menyesuaikan diri dengan norma baharu.

Kita dapat menguruskan gaya hidup untuk realiti yang kita berbeza sambil mempelajari kemahiran baharu untuk mengisi masa lapang.

Ramai rakyat Malaysia membiasakan diri dengan bekerja di rumah, hanya ke pejabat mengikut giliran apabila diperlukan.

Untuk yang mementingkan kesihatan pemakanan, mereka mengambil peluang ini untuk meningkatkan kemahiran memasak bagi menjamin kesihatan sambil menjimatkan kos kehidupan.

Malah makin ramai yang mementingkan gaya hidup yang lestari dan lebih sihat selain kini giat memulakan

perkebunan akuaponik.

Menurut pengasas Farm2Fork, Dr Richard Ng, kaedah akuaponik sudah berkembang menjadi sesuatu yang popular dalam kalangan rakyat tempatan.

Katanya, menerusi kaedah ini pemiliknya dapat menikmati sayur-sayuran yang segar hasil tanaman di halaman rumah sendiri.

"Akuaponik adalah cara pertanian yang 'revolusioner' menggunakan sumber daya minimum untuk menghasilkan tanaman dan sayur-sayuran yang terbaik.

"Ia menggabungkan akuakultur menggunakan ikan dan hidroponik yang hasilnya ditanam tanpa tanah," katanya.

Jelasnya, ekosistem perkebunan tanpa tanah ini memberi tumpuan kepada pemberian makanan kepada ikan dan membiarkan hasil buangan mereka memainkan peranan.

NG memeriksa menara sayurnya di ladang akuaponik.



LADANG akuaponik di belakang rumah.



LADANG akuaponik Na dengan sistem penapisan air.



JUMLAH ikan perlu sesuai mengikut ukuran tangki yang membolehkan peredaran penting dalam pertanian akuaponik.



SEBAGAIAN anak benih sayur yang mula membesar di ladang akuaponik.



PAIP air yang terpasang dari atas akan mengalir ke tanaman.

"Sisa yang dihasilkan ikan ini akan disaring dan diubah menjadi 'makanan' tanaman yang disalurkan melalui saluran paip ke dalam biji benih agar dapat tumbuh dengan sebaik-baiknya.

"Keperluan utama yang perlu ada untuk memulakan pertanian akuaponik adalah ikan, ruang untuk membina ladang dan penapis air," katanya.

Bellau berkata, keseimbangan ekologi memainkan peranan besar

dalam kejayaan ladang akuaponik.

"Beberapa faktor yang menyumbang kepada perkembangan ladang termasuk nisbah ikan dengan air, spesies ikan yang ditanam dan suhu ladang," katanya.

Pada masa sama, banyak juga perkara lain yang perlu dipertimbangkan kerana ia perlu saling melengkapi dan seimbang untuk membuahkan hasil yang signifikan.

"Penapis air yang kita

gunakan juga mampu mendatangkan perbezaan. Tanpa sistem penapisan yang betul, peredaran yang berlaku antara air, tanaman dan ikan tidak akan berfungsi dengan baik," katanya.

Bellau berkata, pentingnya penggunaan produk dan peralatan yang mesra alam dan pada masa sama tidak menambahkan kos berlebihan.

"Idea utama pertanian akuaponik adalah manfaat persekitaran dan sosial bagi masyarakat. Kami berpegang pada etos itu untuk terus kekal mampan.

"Walaupun pelaburan keseluruhannya kelihatan besar pada awalnya, ada banyak sebab mengapa pulangan daripada pelaburan ini bermanfaat bukan hanya untuk kesihatan, tetapi juga untuk persekitaran," katanya.

Jelasnya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih dilaksanakan, aktiviti pertanian ini boleh diusahakan di rumah bersama keluarga.

"Ja mudah dikendalikan dan sememangnya mesra alam.

"Akuaponik boleh dijadikan penyelesaian membantu meningkatkan kesihatan seisi keluarga kerana mengamalkan pengambilan sayur-sayuran segar.

Bellau turut

menyenatakan empat manfaat kaedah pertanian akuaponik:

### 1. HASIL TANAMAN YANG DIHARAPI MEMERUPA LEBIH BANYAK FREKUENSI KESIHATAN

Akuaponik adalah kaedah pertanian tanpa tanah yang tidak menggunakan racun perosak atau baja kimia. Pertanian akuaponik bergantung pada ikan dan kitaran ekosistem. Ini bermaksud racun perosak dan baja kimia tidak sesuai untuk kaedah pertanian ini kerana ia akan membahayakan ikan lalu mempengaruhi ekosistem secara negatif. Kaedah ini boleh dikatakan 100 peratus selamat kerana ia hanya memanfaatkan sisa ikan yang dihasilkan daripada penaklukan berkualiti.

### 2. MUDAH DALJAN

Tanaman akuaponik tidak memerlukan siraman air secara konsisten dan disebabkan ia tidak menggunakan tanah, anda tidak perlu mencabut rumput. Bagi pertanian akuaponik, anda tidak perlu khawatir kekerapan siraman air atau keperluan tanah. Namun pengetahuan mengenai asas pertanian, seperti keluasan ladang dan jumlah ikan memainkan peranan penting dalam mengembangkan ladang akuaponik yang berjaya serta mampan.

### 3. MENJAMUHKAN RUANG TERBUKA

Kaedah pertanian akuaponik yang tidak memerlukan tanah membolehkan sesiapa sahaja memulakan usaha pertanian di halaman rumah mereka. Bagi mereka yang ingin mengkomersialkan hasil tanaman, ruang lebih besar diperlukan dan untuk ini, bangunan terbenkakai juga boleh digunakan. Ini bermaksud kita tidak perlu membina ruang yang khusus untuk pertanian jenis ini kerana penggunaan ruang yang sedia ada sudah mencukupi.

### 4. MENYELAMATKAN PERSEKITARAN KITA

Akuaponik menggunakan air yang sedikit, namun masih mampu menghasilkan tanaman yang sama dengan pertanian tradisional. Ia menggunakan 10 peratus air berbanding pertanian tradisional kerana nutrien air dikitar semula dalam proses gelung tertutup. Pembaziran tambahan tidak akan wujud kerana ekosistem ini bergantung pada kitaran air yang akan terus berulang.